



## **PENDEKATAN GENRE SERAM DALAM REVOLUSI FILEM MELAYU DAN KEPERCAYAAN ALAM GHAIB DALAM FILEM MANTRA**

*Aselawati Che Ab Adziz, Rohani Hashim dan Hasrina Mustafa*

Bab ini membincangkan tentang revolusi genre seram serta sub genre seram yang digunapakai di dalam penerbitan filem seram di Malaysia. Kepelbagaian genre dan sub genre seram memberikan persepsi kepercayaan yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa tenaga yang ada dalam roh, jiwa, dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan benda-benda boleh mendatangkan kesan baik dan buruk kepada manusia (Hajjah Wan Aminah Haji Hasbullah & Wan Faizah Wan Yusoff, 2012). Kepercayaan tersebut dinamakan 'magis', iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan dan upacara tertentu yang dilakukan oleh pawang atau bomoh sehingga tenaga ghaib tersebut dapat digunakan untuk kepentingan sendiri atau kerugian kepada orang lain (Atiqah Syed Ibrahim *et al.*, 2003). Situasi tersebut turut mempengaruhi sistem perubatan lokal masyarakat Melayu (Winstedt, 1950; Werner, 1986). Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz (2013) dalam kajiannya berpendapat masyarakat Melayu melihat saka sebagai jin yang dipelihara dari zaman nenek moyang untuk melindungi keluarga atau membantu mereka membuat kerja-kerja berat. Saka kemudian diturunkan kepada waris yang lebih muda yang ada pertalian darah dengan pemilik asal saka terbabit seperti anak cucu pemilik saka (Walter William Skeat, 1984). Kepercayaan kepada saka ini terdapat dalam filem Suhaimi Baba *Waris Jari Hantu* (2007) dan filem Ahmad Idham *Senjakala* (2011). Filem ini memberi tumpuan kepada watak wanita dan hubungannya dengan saka.

Filem *Pontianak* dianggap sebagai antara filem pertama genre seram di Malaysia. Ia diterbitkan pada tahun 1957 dan diarahkan oleh BN Rao. Bermula dari filem *Pontianak*, filem genre seram terus berkembang sehingga ke hari ini. Filem Seram pada tahun 1950-an hingga 1970-an dicituskan oleh pengaruh dari India dan dimasukkan pengaruh mitos, lagenda, unsur ghaib dan mistik kepercayaan masyarakat Melayu. Genre seram terus berkembang dengan selaras perkembangan penerbitan filem genre seram. Oleh itu dalam bab ini akan membincangkan tentang konseptualisasi genre seram serta sub genre seram yang diguna pakai di dalam industri perfileman di Malaysia serta revolusi dan perkembangan filem seram di Malaysia. Selain itu juga, bab ini mengambil contoh filem seram *Mantra* (2011) dalam menengahkan naratif cerita tentang pendekatan kepercayaan kepada alam ghaib yang disampaikan menerusi dialog dan juga visual serta teori penyuburan atau kultivasi dalam media.

## **KONSEP GENRE**

### **Genre Seram**

Genre ini bermula pada lewat abad ke-19. Seram adalah satu genre filem yang ingin mendapatkan reaksi negatif emosi daripada penonton dengan rasa bimbang (Raney, 2003; Zillmann, 1988b; Zillmann & Bryant, 1994). Filem seram sering mempunyai adegan yang mengejutkan penonton, mengerikan dan ghaib. Jancovich (2002) menyatakan bahawa perasaan takut, seram boleh dianggap 'sangat bermasalah'. John Soon Leng Chua (2004), menyatakan dua pendekatan yang boleh didefinisikan sebagai seram iaitu ritual dan ideologikal. Genre seram adalah genre yang dirancang untuk menerbitkan rasa ngeri, takut, ganas dan jijik kepada penonton. Dalam plot-plot filem seram, berbagai kekuatan, kejadian atau karakter jahat yang berasal dari dunia supernatural, memasuki dunia seharian kita. Dalam pengertian ini filem seram memusatkan